


ISLAM DAN MATA WANG KRIPTO



Penyunting
Mohd Noor bin Omar

PENERBIT
KIM

ISLAM DAN MATAWANG KRIPTO

Penyunting

Mohd Noor bin Omar

Cetakan Pertama 2020

© Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2020

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada pemilik hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISLAM DAN MATA WANG KRIPTO / Penyunting: Mohd Noor bin Omar.

ISBN 978-983-2718-80-2

1. Cryptocurrencies.
 2. Digital currency.
 3. Money--Religious aspects--Islam.
 4. Government publications--Malaysia.
- I. Mohd. Noor Omar.
332.4

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT IKIM

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
2, Langgak Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: 03-62046250 Faks : 03-62046252
Emel: penerbitan@ikim.gov.my

Font: Baskerville

Font saiz: 12

Penyunting Naskhah:
Mohamad A'sim bin Ismail

Pencetak:

Arif Corporation Sdn Bhd
No. 42, Jalan Pengasah 15/13, Seksyen 15
40200, Shah Alam
Selangor

Senarai Penyumbang

1. Puan Azleena binti Idris
Ketua Jabatan Undang-undang,
Kuwait Finance House (M) Bhd. (KFH).
2. Dr. Azrul Azlan bin Iskandar Mirza
Penyarah Kanan, Fakulti Ekonomi & Muamalah,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
3. Dr. Hazik bin Mohamed
Pengarah Urusan, Stellar Consulting Group Ltd.,
Pensyarah Kanan, Putra Business School,
Universiti Putra Malaysia (UPM).
4. Dr. Marjan binti Muhammad
Ketua, Pejabat Kawalan Mutu Penyelidikan,
Akademik Penyelidikan Syariah Antarabangsa
dalam Kewangan (ISRA).
5. En. Mohd Noor bin Omar
Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan
Politik,
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
6. Muhd Rosydi bin Muhammad
Pensyarah, Kulliyyah Informasi dan Teknologi
Komunikasi,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

KANDUNGAN

Prakata	vii
Senarai Penyumbang	ix
Pengenalan	1
BAB 1 : Dunia Teknologi Kewangan (<i>Fintech</i>) <i>Azleena binti Idris</i>	5
BAB 2 : Sejarah & Perkembangan Wang Digital <i>Mohd Noor bin Omar</i>	27
BAB 3 : Analisis Syariah Terhadap Bitcoin <i>Marjan binti Muhammad</i> <i>Muhd Rosydi bin Muhammad</i>	57
BAB 4 : Wang Kripto dan Impak Ekonomi <i>Azrul Azlan bin Iskandar Mirza</i>	89
BAB 5 : Sistem Kewangan Digital <i>Hazik bin Mohamed</i> <i>Mohd Noor bin Omar</i>	105
BAB 6 : <i>Blockchain</i> dan Fungsi Teknologi <i>Hazik bin Mohamed</i> <i>Norhanim binti Mat Sari</i>	125
BAB 7 : Penggunaan <i>Blockchain</i> dan Cabaran <i>Hazik bin Mohamed</i> <i>Norhanim binti Mat Sari</i>	141

Daftar istilah	171
Bibliografi	173
Indeks	179

BAB 3

Analisis Syariah Terhadap Bitcoin

Marjan binti Muhammad

Muhd Rosydi bin Muhammad

Pada Januari 2009, Satoshi Nakamoto telah menghasilkan mata wang kripto pertama yang dikenali sebagai Bitcoin. Pada peringkat awalnya, mata wang kripto ini kurang mendapat sambutan meskipun teknologi yang mendasarinya amat berinovasi dan berdaya maju. Bitcoin (menggunakan simbol BTC) ini hanya mula menarik minat pengguna selepas nilainya melonjak sebanyak 600 peratus bagi BTC1 dalam masa kurang daripada setahun; iaitu BTC1 bersamaan dengan nilai USD1,000 pada 1 Januari 2017 kepada USD7,000 pada 3 November 2017. Kejayaan besar yang dicapai Bitcoin ini telah menyumbang kepada penghasilan lebih banyak mata wang kripto seumpamanya dicipta dan dilancarkan. Sehingga 7 Januari 2018, lebih daripada 1,384 mata wang kripto telah dibangunkan dan bilangan ini dijangka akan terus meningkat.

Bitcoin dilihat sebagai salah satu daripada inovasi kewangan yang utama dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Bagi kebanyakan pengguna, mata wang kripto ini mudah untuk digunakan kerana ia bersifat maya dan berupaya disimpan dalam dompet digital yang lazimnya wujud sama ada dalam teknologi awam (*cloud*) atau sebarang *node* rangkaian seperti komputer riba, komputer peribadi, telefon mudah alih dan sebagainya.

Matlamat utama mata wang kripto adalah menjadi alternatif kepada sistem pembayaran sedia ada serta membolehkan urus niaga merentasi sempadan negara dapat dilakukan tanpa melibatkan sebarang perantara seperti bank atau institusi kewangan lain.

Di sebalik manfaatnya yang menggalakkan ini, mata wang kripto ini bukan sahaja menimbulkan cabaran teknologi dan risiko kewangan kepada masyarakat tetapi ia juga mencetuskan beberapa persoalan berkaitan syariah yang perlu ditangani dengan kadar segera. Walaupun ramai yang masih mengambil sikap teragak-agak dan menolak penggunaan mata wang kripto ini, terdapat juga pihak yang bersikap positif dan menerima pakai produk teknologi kewangan (*fintech*) ini. Senario ini memerlukan kepada kajian teliti yang akan dapat memberikan penjelasan tuntas dari sudut pandang syariah.

Dengan menggunakan Bitcoin sebagai kajian kes, penulisan ini dibahagikan kepada lima bahagian: mendefinisi dan mengelaskan skema-skema mata wang kripto; mengemukakan ciri-ciri utama mata wang kripto; penerangan teknikal secara ringkas tentang urus niaga mata wang kripto; ketetapan dan fatwa berkenaan mata wang kripto yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa fatwa dan intelektual syariah dari seluruh dunia; membincangkan pencirian fekah Bitcoin bagi mengenal pasti sama ada Bitcoin memenuhi kriteria sebagai wang atau mata wang; dan penutup penulisan ini.

DEFINISI MATA WANG KRIPTO

Secara umumnya, mata wang digital boleh dilihat sebagai sejenis wang elektronik (e-wang) yang digunakan

Analisis Syariah Terhadap Bitcoin

kebanyakan peniaga tersebut akan segera menukar Bitcoin yang diperolehi kepada mata wang biasa bagi mengelak ketaktentuan tinggi pada harga mata wang kripto ini.

Apabila pakar-pakar syariah membuat ketetapan bahawa wang kertas atau wang fiat ialah wang atau mata wang yang mengambil hukum emas dan perak dari segi *thamaniyyah* mutlak, kebernilaian (*taqawwum*) kertas tersebut terletak pada pengiktirafan kerajaan sebagai wang sah, bukan pada kertas yang tidak mempunyai nilai. Ini berbeza daripada wang komoditi seperti emas, perak, dan bahkan “wang simbolik” seperti *fulūs* yang dianggap kekayaan atau harta. Kebernilaian wang komoditi tidak bergantung pada perisyntihaar kerajaan sebagai wang sah.

Jika Bitcoin memperoleh nilainya daripada sesuatu (seperti rumus matematik dan algoritma), bukannya daripada kerajaan dan peredarannya berasaskan kepercayaan kepada sistem *blockchain*, bukan daripada sistem sandaran kerajaan, bolehkah Bitcoin dianggap kekayaan? Bolehkah Bitcoin diiktiraf sebagai bernilai dari perspektif syariah?

ISLAM DAN MATA WANG KRIPTO

Kemunculan mata wang kripto mengubah ekosistem kewangan dunia. Mata wang ini bukan sahaja berpotensi menjadi alternatif kepada sistem kewangan sedia ada, malah mampu menggugat ekonomi, sosial, teknologi, perundungan dan bidang-bidang lain. Persoalan asas yang perlu disingkap adalah tentang kemampuannya menjadi perantara urusniaga, serta tanda ukur dan penyimpan nilai secara stabil dan adil dalam menjalankan fungsinya sebagai mata wang. Mengenali, memahami dan menguasai jenis, sifat dan fungsi wang ini merupakan satu kemestian. Buku ini memperkenal mata wang kripto serta meneroka impak ekonomi, pendirian Islam dan kemampuan teknologi digital kepada kehidupan.

